

**NO. SOALAN: 362**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN  
NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH ]**

**RUJUKAN : 8743**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ PasirPuteh ]** minta**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai bilangan kes-kes jenayah kecurian yang berlaku di negeri Kelantan pada tahun 2015. Berapa peratuskah kes-kes ini berkait dengan kes penyalahgunaan dadah.

**JAWAPAN:**

Masalah jenayah boleh mengancam keselamatan dan keharmonian negara terutama melibatkan kecurian harta benda. Sehubungan itu, pihak PDRM telah menjalankan penguatkuasaan yang berterusan dan terancang untuk membanteras dan mengekang jenayah dari terus berleluasa dengan pelbagai inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan.

Statistik kecurian di negeri Kelantan berbanding keseluruhan kes kecurian di Malaysia bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:-

KESALAHAN	KES KECURIAN SELURUH MALAYSIA	KELANTAN	PERATUS
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>			
CURI	18,078	493	2.7
CURI MOTOKAR	12,049	735	6.1
CURI MOTOSIKAL	38,565	2,112	5.5
CURI VAN/LORI/J'BERAT	3,395	90	2.7
CURI RAGUT	2,362	64	2.7
PECAH RUMAH DAN CURI	19,286	893	4.6
<b>JUMLAH</b>	<b>93,735</b>	<b>4,387</b>	<b>24.3</b>

Pihak polis tidak mempunyai data yang mengaitkan kes kecurian dengan kes penyalahgunaan dadah memandangkan data yang dijana dalam *Police Reporting System (PRS)* berpandukan kepada jenis kesalahan mengikut seksyen dalam Akta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NIK MAZIAN  
BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN : 363**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah kajian terperinci dibuat sebelum dilaksanakan hukuman yang lebih berat kepada kesalahan Akta Rahsia Rasmi.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Apa-apa cadangan pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] adalah tertakluk kepada keputusan dasar yang perlu diputuskan oleh pihak Eksekutif. Jabatan Peguam Negara akan mengambil tindakan yang selanjutnya setelah keputusan dasar dibuat oleh pihak Eksekutif.

Kebiasaannya peruntukan dalam suatu undang-undang akan dikaji apabila mencapai suatu tempoh masa yang tertentu. Dalam hal ini, Jabatan Peguam Negara berpandangan sudah tiba masanya peruntukan berkenaan hukuman dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 dikaji semula selaras dengan perkembangan semasa penyebaran maklumat dalam dunia tanpa sempadan, serta kekerapan berlakunya ketirisan rahsia Kerajaan pada masa kini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN : 364**

**Y.B. Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah jangkaan Kerajaan untuk memulakan semula pengoperasian penuh perkhidmatan kereta api di negeri Kelantan.

## **JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Perkhidmatan kereta api dari Kuala Lumpur ke Tumpat dijangka akan dapat beroperasi semula bermula pertengahan bulan Mei 2016 setelah jambatan keretapi di Kemubu siap dibaikpulih serta kelulusan diperoleh daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung pengesahan landasan bagi laluan ini adalah selamat untuk tren beroperasi.